

## UiTM Pahang dan Penglibatan dalam Aktiviti Teater Melayu: Sebuah Dokumentasi

Mohd Samsuri Ghazali<sup>1\*</sup>, Suria Fadhilah Md Pauzi<sup>2</sup>, Ilyani Azer<sup>3</sup>,  
Hamnah Che Hamzah<sup>4</sup>, Siti Aishah Mohamad<sup>5</sup>

<sup>1,3,4,5</sup> Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
mohdsamsuri@pahang.uitm.edu.my, ilyani\_azer@pahang.uitm.edu.my, hamnah@pahang.uitm.edu.my,  
sitia@pahang.uitm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Perakaunan dan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
suriapauzi@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Pengalaman UiTM Pahang menjadi tuan rumah kepada penganjuran Festival Teater peringkat Nusantara iaitu Festival Teater Tiga Negara yang menggabungkan Indonesia, Brunei dan Malaysia merupakan pemangkin kepada perkembangan aktiviti teater di negeri Pahang. Secara tidak langsung, aktiviti ini telah menaikkan nama UiTM Pahang di peringkat negara serantau. Walaupun tidak mempunyai jurusan kesenian di peringkat pembelajaran, namun beberapa usaha yang dilakukan oleh pihak UiTM Pahang telah sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada perkembangan budaya khususnya di negeri Pahang dan Malaysia amnya. Tulisan ini akan mendokumentasikan penglibatan UiTM Pahang dalam aktiviti Teater Melayu di pelbagai peringkat samada di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan Nusantara.

**Kata Kunci:** UiTM Pahang, Teater Melayu dan Nusantara

### 1. Pengenalan

Teater adalah sebuah drama atau kisah kehidupan manusia yang kemudian dipentaskan di atas panggung, ditujukan untuk menjadi hiburan bagi penonton, dengan didasarkan pada naskah tertulis dan disertai oleh nyanyian, tarian, dan sebagainya (Ulfah Rani, 2015). Teater merupakan satu seni persembahan yang melibatkan persembahan langsung antara pelaku dan juga penonton yang telah lama wujud dan diminati oleh pelbagai jenis khalayak dengan pelbagai taraf ekonomi dan budaya. Walaupun seni teater mendapat saingan dari seni filem namun nilai yang ada pada seni persembahan teater menyebabkan seni ini masih mampu bertahan sehingga ke hari ini. Teater, sebagaimana tradisi kebudayaan besar, merupakan satu daripada wadah yang memancarkan ketinggian pemikiran, intelektual, serta seni estetika sesuatu bangsa. (Rahamad dan Mohamed Noor, 2014).

Di negara-negara maju dan beberapa buah negara membangun, seni teater merupakan salah satu daripada pakej menarik yang mampu menjana pendapatan kepada ekonomi negara-negara berkenaan. Selain peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam mempromosi kemasyhuran pementasan teater mereka, pembangunan seni teater di negara-negara berkenaan juga disokong oleh produksi teater universiti-universiti dalam negara tersebut. Terdapat beberapa contoh seperti, University of Hawaii yang terkenal dengan teater seni tarinya, University of Berkeley dengan teater seni muziknya dan Institut Kesenian Jakarta dengan kehebatan teater seni dramanya.

Teater Melayu terbahagi kepada dua bahagian, dan kedua-duanya saling mengikat serta memberi pengaruh antara satu sama lain. Kedua-dua jenis teater tersebut dikenali dengan sebutan Teater Tradisional dan Teater Non Tradisional atau Teater Moden (Ulfah Rani, 2015). Teater Tradisional atau juga dikenali dengan istilah “Teater Daerah” merupakan suatu bentuk pertunjukan di mana peserta yang terlibat berasal dari daerah setempat dengan cerita yang bersumber dari kisah-kisah yang sejak dulu telah berakar dan dirasakan sebagai milik sendiri

oleh setiap masyarakat yang hidup dilingkungan tersebut, misalnya mitos atau legenda dari daerah itu.

Teater Tradisional disesuaikan dengan kondisi adat istiadat, diolah dengan keadaan masyarakat, serta struktur geografikal daerah masing-masing. Teater Tradisional mempunyai ciri-ciri yang spesifik kedaerahan dan menggambarkan kebudayaan lingkungannya. Teater Non Tradisional atau Teater Moden, adalah jenis teater berkembang di tengah keramaian kota dengan adanya pengaruh dari teori Barat. Cerita yang dipentaskan pula bersumber dari sebuah karya sastra atau peristiwa sehari-hari. Naskahnya terdiri dari peranan sentral, pembentukan watak dan karakter, serta jalan cerita. Para pelaku teater harus mengimprovisasi watak agar penceritaannya mempunyai piawaiian, meskipun dilakukan pementasan berulang-ulang kali, jalan ceritanya masih tetap sama. Di sini peranan sutradara sangatlah penting dalam Teater Moden, kerana dia merupakan tokoh sentral yang memiliki hak tunggal dalam menginterpretasikan naskah cerita yang ingin ditampilkan dan dipersembahkan kepada penonton.

## 2. Penglibatan UiTM Pahang dalam Aktiviti Teater

Produksi teater di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang wujud sejak mula ianya ditubuhkan, melalui pelbagai aktiviti pelajar yang berteraskan teater. Pasukan teater UiTM Pahang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2002 dengan nama Persatuan Anak Seni Teater Intelak (PASTI) di mana nama ini telah digunakan ketika menyertai pertandingan Festival Teater Malaysia 2003 yang telah diadakan di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC) Kuala Lumpur. Namun begitu, produksi Teater UiTM Pahang dijenamakan semula dan bernaung di bawah Kelab Estetika Budaya yang ditubuhkan pada tahun 2005. Sejak penubuhan kelab ini secara rasmi di UiTM Pahang, pelbagai aktiviti seni dijalankan termasuk aktiviti teater. Walaupun berstatus kelab, produksi teater UiTM yang dianggotai oleh pelajar telah mengorak langkah dengan menyertai pelbagai aktiviti kesenian samaada di peringkat universiti, negeri Pahang, kebangsaan mahupun peringkat Nusantara. Penulisan ini akan mengupas penglibatan UiTM Pahang dalam beberapa aktiviti teater di pelbagai peringkat. Ia dilakukan sebagai satu usaha untuk mendokumentasikan kejayaan UiTM Pahang dalam bidang teater negara.

### 2.1 Penglibatan UiTM Pahang di Peringkat Universiti

Bermula pada tahun 2005, Pusat Kebudayaan UiTM SeMalaysia menganjurkan acara dwi-tahunan iaitu Karnival Budaya UiTM iaitu bagi mencungkil bakat bakat seni pelajar UiTM. Acara ini terbahagi kepada beberapa kategori iaitu nyanyian, tarian, sajak dan teater dan dibahagikan kepada beberapa zon pada peringkat saringan. Johan setiap zon akan mewakili zon masing-masing ke peringkat akhir di UiTM Shah Alam.

UiTM Pahang telah menyertai pertandingan teater yang telah diadakan di UiTM Terengganu. Dengan membawa naskah Raja Pengemis, mereka telah menjadi Johan Peringkat Zon Timur dan memenangi dua kategori utama iaitu Pengarah Terbaik dan Pelakon Lelaki Terbaik. Kejayaan ini diulangi sekali lagi dalam pertandingan peringkat akhir di UiTM Shah Alam, apabila dinobatkan sebagai juara kategori teater dengan mengalahkan semua pesaing dari UiTM lain. Rentetan itu, UiTM Pahang telah terpilih untuk mewakili UiTM ke Festival Teater Majlis Kesenian Universiti Malaysia yang diadakan di Universiti Malaya. Bermula dari festival ini, UiTM Pahang telah mengorak langkah dengan menyertai beberapa lagi pertandingan peringkat universiti. Di antara penyertaannya adalah:

**Jadual 1.**

Bil	Penyertaan	Kemenangan/Anugerah
1	Karnival Budaya UiTM 2007	Naib Juara Peringkat Zon Timur
2	Festival Monodrama IPT 2012	Anugerah Saguhati Skrip Monodrama

	(Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka)	Terbaik
3	Festival Teater Makum 2012	Pelakon Harapan Wanita Terbaik
4	Festival Budaya UiTM 2014	Pelakon Pembantu Wanita Terbaik

## 2.2 Penglibatan Teater di peringkat Negeri dan Kebangsaan

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah menganjurkan Festival Teater Malaysia di peringkat negeri dan kebangsaan sebagai acara tahunan bermula dari 1970an hingga ke hari ini. Festival Teater Malaysia merupakan pertandingan teater amatir paling berprestij di Malaysia dan bakat beberapa orang pelakon tanah air telah dicungkil dari pertandingan ini. Setiap tahun JKKN negeri akan menganjurkan Festival Teater Negeri bagi memilih enam pasukan terbaik yang akan mewakili negeri Pahang yang akan berentap di Festival Teater Malaysia. Berikut merupakan penglibatan UiTM Pahang dalam festival teater di peringkat negeri Pahang dan kebangsaan :

**Jadual 2.**

Tahun	Karya	Kemenangan/Anugerah	Peringkat
2001	Obsesi	Tiada	Negeri
2002	Mahkamah	Tempat Ketiga (Teater)	Negeri
2003	Raja Pengemis	Johan (mewakili negeri Pahang ke Festival Teater Malaysia, MaTIC Kuala Lumpur)	Negeri
2003	Raja Pengemis	Kumpulan Harapan Terbaik (Teater)	Kebangsaan
2012	Kebayan (Karya Zack Zaidin dan arahan Mohd Samsuri Bin Ghazali)	Johan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelakon Pembantu Wanita Terbaik,</li> <li>• Pelakon Wanita Terbaik</li> <li>• Pengarah Terbaik</li> </ul> mewakili negeri Pahang ke Festival Teater Malaysia, Auditorium Dewan Bahasa Kuala Lumpur (DBKL)	Negeri
2012	Kebayan	Naib Johan (Teater)	Kebangsaan
2014	Takdir untuk Suzana	Johan (Monodrama)	Negeri

Di samping pertandingan festival teater, produksi UiTM Pahang juga aktif dalam menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Teater Negeri Pahang. Pada tahun 2012, UiTM Pahang telah mementaskan Teater Laman di Muzium Negeri Pahang atas jemputan dari Majlis Teater Pahang. Selain itu, pada 2014, UiTM Pahang telah menjadi penganjur bersama dengan Majlis Teater Negeri Pahang dalam pementasan Teater Bahaman : Jiwa Anak Merdeka yang mana teater ini telah mendapat tajaan sepenuhnya dari JKKN dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang telah diarahkan oleh Tokoh Budaya Negeri Pahang, iaitu Encik Roslan Madon. Teater ini juga telah dipentaskan di UiTM Pahang dan dijayakan oleh beberapa pelakon terkenal tanah air antaranya Zaidi Omar, Shahrudin Tambi, Dato' Ahmad Tarmimi Serigar dan Eman Manan.

## 2.3 Penglibatan Produksi Teater UiTM Pahang di peringkat Nusantara

Produksi Teater UiTM Pahang melalui Kelab Estetika Budaya merupakan satu produksi teater yang aktif dan bernaung di bawah Majlis Teater Negeri Pahang yang dipengerusikan oleh

tokoh budaya negeri Pahang, Encik Roslan Madon. Dengan penglibatan secara aktif dalam bidang teater, UiTM Pahang telah dianugerahkan dengan pelbagai penghargaan di peringkat universiti dan negeri. Antaranya ialah Anugerah Khas Pengarah Kampus UiTM Jengka pada tahun 2012 dan Kelab Teater Terbaik Negeri Pahang pada tahun 2013. Anugerah ini juga menunjukkan UiTM Pahang telah mampu untuk mengorak langkah lebih jauh dalam seni teater tanah air walaupun hanya merupakan sebuah kelab teater yang berskala kecil.

UiTM Pahang telah bekerjasama dengan Majlis Teater Negeri Pahang dan DBP dalam menganjurkan festival teater di peringkat Nusantara. Ia dikenali sebagai Festival Teater Tiga Negara yang menggabungkan Malaysia, Brunei dan Indonesia. UiTM Pahang telah diberi amanah untuk menjadi tuan rumah bagi menganjurkan festival teater bagi mewakili Malaysia iaitu pada tahun 2012 dan tahun 2014. Dengan penganjuran ini, UiTM Pahang telah menerima kunjungan beberapa pertubuhan teater dari Indonesia dan Brunei. Antaranya ialah, Teater O Universitas Sumatera Utara (USU), Teater Garis Lurus Langkat, Kumpulan Putra Seni, Brunei dan Majlis Teater Negeri Pahang. Semasa festival berlangsung, UiTM Pahang sebagai tuan rumah telah mempersembahkan "Teater Lawan Catur" yang membariskan dua orang pelakon hebat tanah air, iaitu Shaharudin Tambi dan Zaidi Omar. Teater ini juga telah dijayakan oleh salah seorang pensyarah UiTM Pahang, Cik Norashikin Kamarudin. Secara keseluruhannya, penganjuran Festival Teater Tiga Negara ini bukan sekadar bertujuan untuk mempromosi aktiviti kesenian namun ia juga mampu untuk mengeratkan hubungan antara benua Nusantara melalui penganjuran acara teater yang merupakan bidang kebudayaan Melayu.

### 3. Kesimpulan

Walaupun teater bukanlah salah satu daripada bidang pengajian di kampus ini, namun penglibatan Kelab Estetika Budaya UiTM Pahang menunjukkan bahawa UiTM Pahang merupakan salah satu institusi utama yang mempromosikan aktiviti kesenian dalam menaikkan nama negeri Pahang di peringkat kebangsaan dan Nusantara. Setiap aktiviti yang dijalankan memberi manfaat yang besar kepada pelajar yang terlibat terutamanya dalam meneroka pemikiran yang lebih luas dan mendalam tentang tema dan aspek-aspek kehidupan. Penglibatan kelab ini juga dapat menjana kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, di samping menggalakkan pelajar memahami permasalahan masyarakat dan pengajaran yang menambahkan pengalaman mereka tentang erti kehidupan. Dokumentasi ini diharapkan dapat membuka mata pembaca terutamanya tentang peranan teater dalam pendidikan bukan sekadar melatih kefasihan bertutur, kecekapan berkomunikasi, berfikir dan berketrampilan, malahan melalui aktiviti berteater, boleh mempertingkatkan potensi diri dalam pelbagai aspek. Ini termasuklah aspek perkembangan diri dan sosial. Selain itu, penganugerahan yang diterima juga dapat memperkenalkan dan mengiktiraf kelab ini kepada mata masyarakat.

### 4. Rujukan

- Mohamad Nazri Ahmad. (2000). *Seni Persembahan Drama Melayu Moden Bangi*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahamad, M., & Mohamed Noor, R. (2014). *Sastera Teras Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Ulfah Rani. (2015). Definisi Serta Perbezaan Antara Teater Tradisional Dan Teater Modern. Diakses dari <http://www.astalog.com/847/definisi-serta-perbezaan-antara-teater-tradisional-dan-teater-modern.htm> pada 25 Ogos 2015.